

Cantuman tanah Felda secara profesional

Oleh **HASIF IDRIS**

pengarang@utusan.com.my

■ **KUALA LUMPUR 9 JULAI**

WALAU PUN peneroka tidak akan kehilangan hak milik tanah, namun pihak kerajaan perlu mengambil berat dalam aspek pelaksanaan serta pengendalian sekiranya cadangan untuk mencantumkan tanah-tanah peneroka Felda menjadi ladang besar mahu dilaksanakan kelak.

Pandangan itu disuarakan oleh Pakar Ekonomi dari Putra Business School, **Prof. Madya Dr. Abu Sofian Yaacob** yang menyifatkan rancangan kerajaan itu bukanlah sesuatu perkara baharu bahkan kaedah itu dilihat mampu memberi hasil lumayan pada jangka masa pendek dan panjang.

Beliau berkata, idea pencantuman itu pernah dilaksanakan oleh Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) kira-kira 10 tahun lalu yang dianggap berjaya kerana mendatangkan hasil kepada pekebun kecil getah.

“Dalam satu aspek, saya lihat rancangan RISDA melaksanakan idea penanaman semula melalui pencantuman tanah (mini estet) itu pada mulanya adalah bagus daripada membiarkan la-



ABU SOFIAN YAACOB

dang getah terbiar tanpa hasil. Namun, saya mempertikaikan apabila pihak RISDA mula melantik pihak luar sekarang dan ladang tersebut tidak dikendalikan secara profesional.

“Oleh itu, Felda perlu terlibat secara langsung kerana merupakan badan induk yang menjaga kebajikan dan urusan jual beli tanah peneroka. Malah, Felda sendiri boleh melantik satu syarikat lain seperti syarikat usaha sama yang mempunyai kepakaran dalam pengurusan ladang dan kaedah penanaman semula itu dilaksanakan secara profesional seperti syarikat korporat lain,” katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* hari ini.

Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad baru-baru ini berkata, pihak kerajaan merancang mencantumkan tanah-

tanah peneroka Felda menjadi ladang besar yang mampu memberi hasil lumayan menerusi pengurusan efisien dengan cara yang lebih profesional.

Malah, kerajaan kini sedang cuba mendapatkan peneroka yang bersetuju mencantumkan tanah supaya projek rintis untuk cadangan itu dapat dilaksanakan.

Mengulas lanjut, Abu Sofian mencadangkan Felda menubuhkan satu koperasi bagi melindungi hak peneroka kerana kebanyakan generasi pertama adalah kurang berpelajaran.

“Mereka (peneroka) boleh bekerja tetapi daripada aspek strategi dan pengurusan perniagaan, mungkin mereka tidak tahu. Jadi, Felda perlu mengambil peranan dan saya lihat penubuhan koperasi ini boleh membantu mengekalkan hasil jualan kelapa sawit serta meningkatkan pendapatan peneroka sekali gus menanam minat kepada generasi kedua dan ketiga,” jelasnya.

Tambah beliau, sekiranya rancangan itu terlaksana, peneroka boleh melakukan tanaman sampingan dan aktiviti penternakan yang berupaya menjana hasil dalam jangka masa pendek sementara menunggu hasil daripada penanaman semula kelapa sawit.